



## **Kitab-Kitab Hadith dalam Pengajian Takmir di Institusi Masjid di Perlis: Kajian Tinjauan**

### ***[Books of Hadith in Takmir Programme at Mosque Institution in Perlis: A Review]***

**Khalilullah Amin Ahmad<sup>1\*</sup>, Muhammad Lukman Mat Sin<sup>1</sup>, Ameer Ikhwan Zaini<sup>2</sup> &  
Mohd Asri Ishak<sup>3</sup>**

*1* Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000, Perlis, Malaysia, 013-4749745.

*2* Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis, 01000, Perlis, Malaysia, 013-9455203.

*3* Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43600, Bangi, Selangor, 019-6535303.

\* Corresponding Author: Khalilullah Amin Ahmad. Fakulti Al-Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Perlis, 02000, Perlis, Malaysia, [amin@kuiips.edu.my](mailto:amin@kuiips.edu.my), 013-4749745, ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0002-2407-8334>

---

#### **Keywords:**

*Book of hadith; takmir  
programme; mosque  
institution; Perlis.*

---

#### **ABSTRACT**

*Takmir programme played a vital role in spreading the hadith in the community through the mosque institutions. It was a nucleus towards the development of a civilized Muslim nation that adhere to the teachings of the Prophet SAW as mosques were indeed the prominent platforms for religious activities and lectures. Relatively, the dissemination of hadith knowledge was well-spread in mosques in Perlis. To some extent, the Muslim community in Malaysia have also developed the awareness regarding the authenticity of hadith and the authority of the conveyers, including the preachers of the takmir programme who hold the related tauliah from the state. Here, the study described the books of hadith used in takmir classes in Perlis mosques by reviewing its procedure in five district mosques. The study also analyzed the opinions of mosque congregations who attended the lectures provided. The study used qualitative methods which included interviews, observations and document analysis. The findings showed that the effectiveness of hadith lectures in Perlis mosque was at a positive level in term of selection of hadith books, the response of the congregation, and the suitability of reference to the level of the mosque congregations. The findings should also able to further trigger the interest of the mass to adhere to the hadith as legacy of the Prophet Muhammad SAW, and as the second source of Islamic legislation after the Quran.*

---

#### **Kata Kunci:**

*Kitab hadith; pengajian  
takmir; institusi masjid;  
Perlis.*

---

#### **ABSTRAK**

*Peranan program takmir dalam pengajian hadith di institusi masjid adalah nukleus ke arah melahirkan komuniti muslim madani dalam menghayati sunnah Rasulullah SAW. Institusi masjid merupakan platform kegiatan ibadah, kuliah agama dan pengajian *tafaqquh*. Syarahan kitab pengajian hadith turut didedahkan di institusi masjid seluruh negeri Perlis. Penyebaran hadith yang berautentik dan berautoriti telah menjadi kesedaran dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, iaitu penyampaian hadith yang sahih dan hasan dalam kalangan guru takmir yang memiliki tauliah. Oleh demikian,*

---

kertas kerja ini akan membincangkan kitab-kitab hadith yang digunakan dalam pengajian hadith dengan meninjau lima buah masjid daerah di Perlis dan menganalisis pendapat jemaah masjid yang menghadiri kuliah pengajian yang disediakan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan kuliah pengajian hadith di institusi masjid di Perlis berada pada tahap yang positif dari sudut pemilihan kitab-kitab hadith, sambutan jemaah terhadap kitab hadith yang diajar dan kesesuaian kitab-kitab hadith dengan tahap kemampuan jemaah masjid. Harapan melalui kajian ini dapat menyuntik minat keterlibatan masyarakat untuk mengamalkan hadith warisan Nabi Muhammad SAW sebagai sumber pensyariaan Islam yang kedua selepas kitab al-Quran.

---

Received: November 29, 2022

Accepted: March 29, 2023

Online Published: June 30, 2023

## 1. Pengenalan

Institusi masjid merupakan pusat utama dalam penyebaran dan pendidikan agama Islam. Dalam sejarah Islam, institusi masjid memainkan peranan sebagai institusi aktiviti kemasyarakatan madani seperti pusat keagamaan, pentadbiran, pendidikan, ekonomi, sosial dan kesenian. Dalam konteks pengajian takmir, program baca kitab yang dipraktikkan masa kini perlu penambahbaikan untuk menarik minat para jemaah, lantaran mereka lebih memerlukan pendekatan secara proaktif dan inovatif (Budin, A., 2016). Hal demikian telah dibuktikan dalam analisis Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2011 yang memperlihatkan bahawa rata-rata individu yang mengikuti kelas takmir terdiri daripada individu yang berusia 51 tahun dan ke atas, iaitu sebanyak 63.8 peratus, manakala penglibatan kumpulan remaja hanya sekitar 4.7 peratus.

Keperluan dan tanggungjawab para ilmuwan agama perlu berjalan seiring dalam usaha untuk memastikan agar kefahaman Islam yang sebenarnya dapat disampaikan kepada masyarakat. Metodologi pengajaran dan pembelajaran hadith di institusi masjid dan surau perlu dipelbagaikan sesuai dengan perkembangan semasa agar keabsahan hadith difahami dengan tepat oleh masyarakat setempat. Para ilmuwan Islam telah mengimplimentasikan pengajian hadith berkitab (*talaqqi*) sebagai medium dalam proses pengajaran dan pembelajaran ilmu agama sejak kurun ketiga dalam Islam (Tamuri, A. H., & Nik Yusoff, N. M. R., 2011). Perkembangan pengajian hadith ini selaras dengan perluasan kesarjanaan ilmu pengetahuan Islam yang berpaksikan kepada al-Quran dan hadith. Pengajian hadith bermula perkembangannya di rumah tuan guru, masjid, institusi pondok dan seterusnya di peringkat IPT Islam di Malaysia (Suhaimi Abdul Wafir, 2006). Fenomena ini membangkitkan minat dan kesedaran komuniti Islam semakin meningkat terhadap kuliah takmir di institusi-institusi seluruh negeri, terutamanya di negeri Perlis. Pada tahun 2021, JAIPs menyatakan terdapat kira-kira 101 buah masjid di seluruh negeri Perlis yang meliputi 3 daerah, iaitu Kangar, Arau dan Padang Besar.

## 2. Tinjauan Literatur

Berdasarkan daripada tinjauan pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, terdapat beberapa kajian tentang pengajian hadith di beberapa masjid dan surau di Malaysia. Budin, A. (2016) dalam kajiannya tentang hubungan antara keberkesanan pengajian hadith terhadap peranan kelas takmir di masjid sekitar daerah Melaka Tengah. Seramai 98 informan daripada 5 masjid terlibat dengan menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk soal selidik. Hasil kajian mendapati guru takmir perlu mengaplikasikan kepelbagaian metodologi pengajaran dan pembelajaran hadith agar pengajian hadith ini boleh dipertingkatkan keberkesannya.

Johari, M. A. (2016) pula mengkaji tentang tahap kefahaman ilmu hadith dalam kalangan ahli jemaah di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Surau al-Mawaddah Shah Alam, Selangor yang mengikuti kuliah pengajian hadith. Beliau menggunakan kaedah gabungan antara kualitatif berbentuk temu bual dan kuantitatif berbentuk soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan positif yang signifikan tahap kefahaman ilmu hadith terhadap pertambahan pengetahuan ilmu hadith dan peningkatan amalan-amalan seharian



di masjid dan surau. Namun, timbul perbezaan dengan kajian Abdullah, W.H. et. al (2017) yang membuktikan kaedah pengajaran di institusi masjid adalah terhad kerana kaedah pengajian dilaksanakan secara non formal dan melibatkan semua peringkat umur. Hal ini disebabkan faktor latar belakang guru dan perbezaan teknik pengajaran setiap guru bergantung pada persediaan sebelum memulakan pengajaran.

Kajian Abdul Halim, A. el at. (2019) berbentuk kualitatif berkaitan tentang penglibatan ahli akademik terhadap pengajian hadith di masjid dan surau. Hal demikian telah membuktikan tahap kefahaman masyarakat terhadap pengajian hadith berada pada tahap yang rendah. Guru yang mengajar ilmu hadith lebih cenderung dikaitkan dengan isu-isu semasa dan ilmu-ilmu lain seperti akidah, fikah dan tasawuf. Guru pula tidak meneroka kitab-kitab hadith yang lebih muhtabar. Dapatan ini disokong oleh Isa, M. A. & Amran, N. N. (2017) dalam kajian mereka yang berbentuk kualitatif berkaitan pengajian hadith di masjid Malaysia mendapati wujud persamaan metodologi pengajaran yang diaplikasikan oleh tenaga pengajar di masjid-masjid, iaitu kaedah membaca kitab hadith, tidak hanya fokus kepada kitab-kitab tertentu, pengajian hadith dalam bentuk tematik, dan penyampaian bertujuan untuk memberi kesedaran Islam.

### 3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Temu bual dan pemerhatian telah dilaksanakan kepada informan dalam kalangan tenaga pengajar dan jemaah masjid. Manakala analisis dokumen telah dilaksanakan dengan menganalisis kandungan kitab-kitab hadith yang menjadi silibus utama dalam pengajian hadith di masjid-masjid Perlis. Penulis telah meninjau lima buah masjid daerah di Perlis dan menganalisis pendapat jemaah masjid yang menghadiri kuliah pengajian yang disediakan.

### 4. Kitab-Kitab Hadith Yang Digunapakai Dalam Pengajian Hadith di Masjid-Masjid Perlis

Perbincangan berkaitan kitab-kitab hadith ini dapat diperincikan seperti berikut:

#### 4.1 *Riyadh al-Salihin*

Pengarang kitab ini ialah al-Imam Muhyiddin Abu Zakaria Yahya bin Sharaf al-Nawawi yang lahir pada tahun 631 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 676 Hijrah (al-Nawawi, 2008). Dalam kitab ini, terdapat 16 kitab atau tajuk besar yang merangkumi 334 bab. Menurut al-Imam al-Nawawi, beliau mengumpulkan hadith-hadith dalam kitab ini berkaitan tentang perihal akhirat, akhlak, penjagaan hati dan amalan kebaikan. Kedudukan hadith dalam kitab ini kebanyakan bertaraf *sahih* dan boleh diamalkan. Sekiranya terdapat sebahagian hadith berada pada kedudukan *dhaif*, maka beliau menukilkan daripada kitab *sahih* yang terkenal dan *mashyur* (al-Nawawi, 1987). Metodologi penulisan yang digunakan oleh al-Imam al-Nawawi ialah dengan cara membawakan ayat al-Quran pada bab yang awal dan menjelaskan maksud tertentu. Pada sebahagian pengakhiran hadith, beliau telah menggunakan perkataan *mutaffaqqun 'alaih*, iaitu hadith riwayat al-Imam al-Bukhary dan al-Imam Muslim (al-Nawawi, 1987).

#### 4.2 *Bulugh al-Maram*

Nama penuh kitab ini ialah *Bulughul Maram Min Adillatil Ahkam* telah dikarang oleh Ahmad bin Muhammad Alias Abu al-Faadhi al-Kinnani al-Syafie atau lebih dikenali sebagai al-Imam Ibn Hajar al-Asqalani yang lahir pada tahun 773 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 852 Hijrah (al-Asqalani, 2007). Dalam kitab ini, terdapat 16 kitab atau tajuk besar yang merangkumi 97 bab yang telah disusun mengikut tema fikah. Kitab ini merupakan ringkasan yang merangkumi sumber-sumber dalil utama hadith berkaitan ahkam al-syariah. Hal demikian disebut sebagai *hadith al-ahkam* atau *fiqh al-dalil*. Antara kitab utama yang telah disusun oleh al-Imam Ibn Hajar, iaitu kitab *taharah* (bersuci), solat, zakat, puasa, pengurusan jenazah, ibadah haji, pengurusan jual-beli, pengurusan *faraidh* (harta pusaka), perkahwinan, *jinayat* (jenayah), hukuman *hudud*, berjihad, makanan, bersumpah dan *nazar* (al-Asqalani, 2007). Metodologi al-Imam Ibn Hajar dalam kitabnya dapat dilihat apabila beliau menyatakan hadith tertentu, kemudian beliau menjelaskan hadith tersebut secara terperinci dengan membawa hujah dan pendapat daripada para ilmuwan lain seperti al-Imam Abu Hanifah, al-Imam Malik, al-Imam al-Syafie dan al-Imam Ahmad. Kedudukan hadith juga turut dinyatakan berdasarkan pandangan ulama-ulama hadith. Metodologi penyusunan kitab dapat membantu para penuntut ilmu untuk menghafal dengan mudah dan dapat menguasai kefahaman dengan baik (al-Asqalani, 2007).



#### 4.3 *Syama'il Muhammadiyyah*

Kitab ini telah dikarang oleh Muhammad bin Isa bin Tsaurah bin Musa bin al-Dhahhak al-Sulami al-Tirmidzi al-Dharir atau lebih dikenali sebagai al-Imam al-Tirmidzi. Beliau lahir pada tahun 214 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 273 Hijrah (al-Tirmidzi, 2008). Kandungan kitab ini memuatkan hadith-hadith yang telah diriwayatkan oleh al-Imam al-Tirmidzi berkaitan dengan keperibadian fizikal dan akhlak Rasulullah SAW dari sudut dalaman dan luaran. Dalam kitab ini, terdapat 56 bab yang telah disusun oleh al-Imam al-Tirmidzi. Setiap bab tersebut membicarakan tentang keindahan tingkah laku, kerendahan hati, cara duduk, makan, minum, berpakaian, tidur, menunaikan ibadah solat, bercakap, pergaulan sopan bersama ahli keluarga dan sahabat handai, layanan tetamu dan sebagainya (al-Tirmidzi, 2008).

#### 4.4 *Al-Arba'in al-Nawawiyah*

Kitab ini telah dihasilkan oleh al-Imam Muhyiddin Abu Zakaria Yahya bin Sharaf al-Nawawi al-Syafie. Metodologi al-Imam al-Nawawi dalam menyusun hadith empat puluh mengikut tema kumpulan hadith yang merangkumi pelbagai cabang dalam agama Islam (al-Badr, A. R., 2014). Hal demikian umpama jejak langkah para ilmuwan terdahulu yang menggunakan metodologi pengumpulan hadith empat puluh. Perbezaannya adalah pada tema kumpulan seperti usuluddin (akidah), pembahagian *ahkam al-Din*, zuhud, jihad, akhlak dan percakapan Rasulullah SAW dalam pelbagai keadaan (al-Nawawi, 1989). Terdapat dua bahagian dalam kitab ini. Pertama, bahagian pengenalan ilmu hadith, ulum al-hadith, nama-nama hadith dan periwayatan ilmuwan hadith yang *masyhur*. Kedua, bahagian teks hadith (*matan*). Walaupun diberi nama hadith empat puluh, namun demikian al-Imam al-Nawawi telah memuatkan 42 hadith yang *sahih* sahaja. Kemudian, terdapat pertambahan sebanyak lapan hadith *sahih* oleh al-Imam Ibn Rajab al-Hanbali yang meninggal pada tahun 795 H. Al-Imam al-Nawawi menggunakan metodologi yang biasa digunakan oleh ilmuwan hadith yang lain, iaitu beliau telah mendatangkan teks hadith, kemudian menjelaskan teks hadith tersebut dengan membawa sokongan ayat al-Quran dan hadith sahih yang lain. Hampir keseluruhan hadith yang telah dipilih oleh al-Imam al-Nawawi diriwayatkan daripada al-Sahihain, iaitu al-Imam al-Bukhari atau al-Imam Muslim. Menariknya, setiap hadith tersebut membicarakan tentang perihal-perihal utama bagi seorang muslim sejati dan kehidupan masyarakat umum. Pengarang kitab ini telah menjelaskan pengajaran penting yang boleh diambil pada akhir setiap syarahan hadith. Justeru, kitab ini mudah dihafal dan diterima oleh masyarakat (al-Nawawi, 2008).

#### 4.5 *Al-Adabul al-Mufrad*

Kitab ini telah ditulis oleh Imam Muhammad bin Ismail al-Bukhari yang meninggal dunia pada tahun 256 Hijrah. Hadith yang telah dikumpulkan oleh beliau memerihalkan tentang kesempurnaan akhlak Muslim sejati dengan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai *qudwah* dan contoh teladan yang baik dalam menelusuri kehidupan (al-Bukhari, 2011). Kitab ini bukan sahaja memuatkan hadith Nabi Muhammad SAW sahaja, malah juga terdapat perkataan sahabat (*atsar*) dan para *tabi'in*. Jumlah hadith yang terkumpul dalam kitab ini adalah sebanyak 1322 hadith. Kitab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, iaitu diberi nama kitab Pedoman Adab dan Akhlak Seorang Muslim. Kesempurnaan akhlak yang wujud telah dicontohkan oleh Baginda SAW adalah merupakan penjelmaan konkrit dari ajaran yang disampaikan kepada umat manusia (al-Bukhari, 2011).

#### 4.6 *Sunan al-Tirmidzi*

Kitab ini telah dikarang oleh al-Imam al-Tirmidzi. Gelaran terkenal yang diberikan kepada beliau ialah Abu Isa. Beliau meninggal dunia pada tahun 279 Hijrah. Beliau merupakan ulama hadith yang menghafal banyak kitab hadith yang hidup sezaman dengan al-Imam al-Bukhari, al-Imam Muslim dan ramai lagi para ulama hadith yang terkenal ketika kurun ke-3 Hijrah. Beliau telah diberi pengiktirafan oleh sebahagian besar ulama hadith seperti al-Imam Ali al-Madini sehingga beliau dikenali sebagai mujtahid mutlak dalam bidang hadith. Buku Sunan al-Tirmidzi ini antara penulisan yang bersifat monumental dan terpenting yang pernah dikarang oleh al-Imam al-Tirmidzi. Kitab Sunan al-Tirmidzi dikenali sebagai salah satu daripada *Kutub Sittah* atau disebut sebagai kitab hadith yang enam, iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan al-Tirmidzi, Sunan Abi Daud, Sunan al-Nasa'ie dan Sunan Ibn Majah. Nama al-Sunan diberikan kerana al-Imam al-Tirmidzi menghimpunkan kumpulan hadith hukum yang disusun mengikut turutan bab-bab fikah. Selain nama al-Sunan, kitab ini disebut sebagai *Jami' al-*



*Kabir*. Hal demikian perkataan *al-Jami'* memberi makna merangkumi dan menyeluruh, iaitu kitab ini merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti adab, sirah, tafsir, akidah dan sebagainya (al-Tirmidzi, 2008).

#### 4.7 Sahih al-Bukhari

Kitab ini telah ditulis oleh al-Imam Muhammad bin Ismail al-Bukhari yang meninggal dunia pada tahun 256 Hijrah. Pengarang telah memberi nama pada kitab ini, iaitu *al-Jami' al-Musnid al-Sahih al-Mukhtasar Min Umuri Rasulullah SAW Wa Sunanihi Wa Ayyamihi*. Namun begitu, kitab ini terkenal dengan nama Sahih al-Bukhari. Antara sebab kitab ini ditulis ialah disebabkan guru beliau, iaitu Ishak bin Rahuyah telah menyampaikan amanatnya atau mencadangkan kepada anak muridnya agar mengumpulkan hadith-hadith yang sahih sahaja untuk diletakkan dalam sebuah kitab (al-Bukhari, 2011). Selain itu, beliau pernah bermimpi bahawa beliau berdiri di samping Nabi Muhammad SAW sambil mengipas Baginda SAW. Selepas mimpi tersebut, beliau terus berjumpa dengan pakar pentafsir mimpi. Pertanyaan beliau dijawab oleh pentafsir mimpi itu dengan menyatakan bahawa beliau akan menjadi penghalang kepada apa jua pendustaan yang dilakukan terhadap Nabi Muhammad SAW. Justeru, kedua-dua sebab ini telah membuatkan beliau untuk menghasilkan karya ini. Metodologi penyusunan hadith yang telah digunakan oleh al-Imam al-Bukhari dalam kitab ini agak ketat. Pengarang telah menetapkan pemilihan hadith-hadith yang sahih sahaja. Beliau juga akan memilih hadith-hadith yang bertepatan dengan bab-bab yang terdapat dalam kitab ini. Beliau juga menggunakan metodologi ringkasan teks hadith atau lebih dikenali sebagai manhaj ikhtisar, iaitu kaedah tidak menyatakan teks hadith secara penuh. Al-Imam al-Bukhari telah memilih daripada seratus ribu hadith yang sahih untuk dimuatkan ke dalam kitab beliau (al-Bukhari, 2011).

#### 4.8 Hisn al-Muslim

Kitab ini ditulis oleh Imam Sa'id bin 'Ali bin Wahf Al-Qahthani. Penulis telah menyusun dan mengumpulkan hadith-hadith tentang doa, zikir pagi dan petang yang pernah dibaca oleh Nabi Muhammad SAW. Buku ini disarankan bagi setiap muslim yang menghafal dan mengamalkan hadith ini dalam kehidupan seharian. Buku ini disebut sebagai perisai atau benteng bagi seorang Muslim kerana di sebalik kumpulan doa dan zikir yang boleh dilindungi oleh Allah SWT daripada sebarang gangguan sepanjang hari tersebut (al-Qahthani, 2000).

#### 4.9 Himpunan Hadith Qudsi

Kitab ini ditulis oleh Syeikh Mustafa al-'Adawi (2002). Buku ini dinamakan *Shahih al-Ahadith al-Qudsiyah*, iaitu Hadith-hadith *Qudsi* Yang *Sahih*. Kitab ini merupakan buku yang bersumber dari disiplin ilmu yang paling mulia. Pengarang telah menyusun hadith-hadith *Qudsi* dan disyarahkan dengan hadith-hadith yang lain dengan lengkap. Kitab ini disusun dan dikumpulkan hadith-hadith Nabi Muhammad SAW yang sahih dalam bidang fikah. Hadith tersebut meliputi segala hal yang disandarkan kepada Allah SWT, iaitu perkataan yang difirmankan oleh Allah SWT atau perbuatan-Nya atau dikenali sebagai hadith *qudsi* (al-'Adawi, 2002).

### 5. Demografi Guru Takmir

#### 5.1 Latar Belakang Pendidikan

Penulis mendapati kebanyakan guru takmir memiliki kepelbagaian latar belakang pendidikan. Setiap kepakaran mereka telah mendapat pengiktirafan daripada universiti tempatan dan luar negara dalam pelbagai bidang. Antara bidang pengajian mereka ialah hadith, bahasa Arab, syariah, pendidikan Islam, al-Quran dan usuluddin. Kebanyakan mereka memiliki sijil pengajian di peringkat sarjana muda di beberapa negara luar seperti, Madinah di Arab Saudi, Kaherah di Mesir, Al-Bayt di Jordan, Universiti Al-Iman di Yaman dan sebagainya. Sebahagian daripada mereka menyambung pengajian di peringkat sarjana muda mahupun sarjana di universiti tempatan seperti Univeriti Utara Malaysia (UUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Open University Malaysia (OUM), Universiti Islam Malaysia (UIM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan sebagainya. Hal demikian berdasarkan hasil analisis melalui temu bual daripada pihak informan yang terlibat seperti berikut:

Informan 1: ... Di sini yang boleh saya kongsi ialah yang pertamanya depa ni terbahagi kepada yang sambung di peringkat master dan ada yang sambung di peringkat PhD atau Doktor Falsafah. Ada penceramah-



*penceramah yang sambung UUM, UKM dalam peringkat pengajian depa masing-masing. Ada yang degree di Jordan, Madinah, Mesir, Yaman pun ada.*

*Informan 2: ... saya dulu mengaji Ijazah Sarjana Muda Usuluddin di al-Bayt Jordan.*

*Informan 3: ... Degree dalam bidang bahasa Arab di Mesir, Master pun dalam bahasa Arab dan sekarang tengah buat PhD dalam bidang al-Quran dan sunnah.*

*Informan 4: ... Ana sekolah di Maktab Mahmud Alor Setar, pendidikan awal peringkat menengah. Kemudian, selepas habis, ana menyambung pengajian di Universiti al-Bayt Jordan. Seterusnya ana menyambung pengajian ke peringkat Master di Open University Malaysia, Sungai Petani. Tu sedikit sebanyak berkaitan latar belakang pendidikan.*

*Informan 5: ... Saya dahulunya SK Paya, Beseri, Perlis. Kemudian, Sekolah al-Ma'ad, Arau. Kemudian, SMK Agama Arau. Kemudian, pergi sekejap SMK Slim River. Ada subjek teknikal. Kemudian ke SMK Agama Arau. Kemudian, pergi ke MATRI. Kemudian, dapat tawaran ke Maktab Perguruan Islam Bangi. Ambil kursus perguruan. Kemudian, Ijazah OUM, Master pun OUM. Dan kini saya menyambung EDD dalam bidang konstruksional.*

Latar belakang pendidikan dan kitab-kitab hadith yang diguna pakai telah memberi impak kepada kemampuan mengajar kitab hadith tersebut. Kebanyakan tenaga pengajar mampu menguasai ilmu alat bahasa Arab. Hal demikian dapat dibuktikan melalui kitab yang digunakan dalam bahasa Arab dan disyarahkan dalam bahasa Melayu. Terdapat sesetengah guru takmir juga mempunyai latar belakang pendidikan dalam bidang perguruan. Hal ini sekaligus menjadi satu kelebihan dalam berkomunikasi dengan masyarakat setempat. Latar belakang pendidikan yang paling tinggi dalam kalangan mereka ialah berada di peringkat Doktor Falsafah di pelbagai universiti. Hal demikian menambahkan kualiti dalam pengajaran kitab hadith berdasarkan kualiti taraf akademik mereka.

## **5.2 Pentauliah**

Guru takmir hendaklah memiliki Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Perlis secara rasmi daripada pihak yang berautoriti, iaitu Jabatan Mufti Negeri Perlis. Hal demikian kerana pentauliah tersebut akan memberi impak terhadap tahap kefahaman ilmu hadith dalam kalangan masyarakat. Untuk mendapatkan tauliah mengajar agama di masjid dan surau atau institusi yang berdaftar mestilah memohon daripada pihak Jabatan Mufti Negeri Perlis. Setelah mendapat kelulusan dan sijil tauliah mengajar agama, barulah guru takmir akan diberi penempatan tempat mengajar sama ada di masjid atau surau yang terlibat. Hal demikian berdasarkan hasil analisis melalui temu bual daripada pihak informan yang terlibat seperti berikut:

*Informan 1: ... Tauliah di berikan daripada Jabatan Mufti untuk Guru Takmir dan juga tauliah khaslah.*

*Informan 2: ... tauliah ini memang perlu. Kita kena pastikan setiap tenaga pengajar mesti kena ada tauliah supaya jemaah lebih rasa yakin dari sudut kesahihan maklumat.*

Penulis mendapati pentauliah ini penting dan memberi kesan positif dalam penggunaan kitab-kitab hadith agar dapat memastikan peningkatan tahap kefahaman ilmu hadith dalam kalangan masyarakat. Penyampaian ilmu hadith kepada jemaah masjid tidak hanya bertumpu kepada pembacaan hadith semata-mata, malah setiap hadith yang dihuraikan mestilah wujud penjelasan yang baik dari sudut autentik hadith, iaitu kesahihan dan kedudukan hadith.

## **6. Analisis Kajian**

### **6.1 Faktor Pemilihan Kitab Pengajian Hadith**

Penetapan kitab hadith yang diajar di masjid-masjid Perlis mestilah mengikut silibus pengajaran di negeri Perlis sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak Jabatan Mufti Negeri Perlis seperti kitab Mukhtasar Sahih al-Bukhari oleh al-Imam Ibn Abi Jamrah, *Arba'in Nawawiyah* oleh al-Imam al-Nawawi dan Bahrul Mazi oleh al-



Syeikh Idris al-Marbawi. Signifikan pemilihan kitab-kitab hadith berikut adalah kerana pengamalan di Perlis merujuk kepada kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah beraliran Salaf al-Shalih yang disepakati ramai ulama muftabar. Sekiranya kitab hadith yang dipilih tidak tersenarai dalam silibus pengajian, maka guru takmir mestilah membuat permohonan pemilihan kitab hadith dan mendapat kelulusan terlebih dahulu. Hal demikian untuk memastikan pemilihan kitab hadith yang berautentik dan sesuai dengan tahap kefahaman para jemaah masjid. Kitab-kitab rujukan yang telah dijadikan silibus pengajaran ini disenaraikan bertujuan untuk mendidik umat Islam negeri Perlis dengan kandungan pengajaran yang selaras dengan Undang-Undang Tubuh Negeri Perlis. Hal ini berdasarkan hasil analisis daripada pihak informan sebagai berikut:

Informan 1: *Pemilihan kitab hadith ni kita syaratkan untuk tenaga pengajar atau pengkuliah yang nak mengajar di masjid kita mestilah menggunakan kitab silibus yang telah ditetapkan oleh Jabatan Mufti.*

Informan 2: *Pemilihan kitab dibuat berdasarkan keutamaan bab setiap hadith yang berkaitan dengan pembentukan akhlak dan sedikit berkaitan hukum-hakam untuk masyarakat yang ianya sesuai untuk masyarakat.*

Informan 3: *Pertama sekali, kitab yang mudah difahami dan mudah didapati oleh jemaah seperti kitab hadith empat puluh, Riyadh al-Solihin dan sebagainya.*

Informan 4: *Ana melihat kepada jemaah yang akan mendengar apa yang ana sampaikan. Contoh, sekiranya jemaah tu terdiri daripada golongan-golongan tua atau pun mereka lebih kepada konsep santai sementara menunggu Maghrib dan Isyak atau pun kita katakan nak kepada perbincangan yang santai, ana boleh katakan refer kepada hadith-hadith yang membicarakan tentang adab-adab atau pun benda-benda yang umum seperti Arba'in Nawawi atau pun Riyadh as-Solihin atau pun Bulugh al-Maram yang membicarakan tentang adab, kitab al-Jami'. Tapi kalau masjid-masjid yang sebahagiannya educated, suka kepada perbahasan-perbahasan fikah, ana akan bawa kitab Sunan al-Tirmidzi umpamanya di Masjid Padang Katong. Mereka suka belajar berkaitan dengan dalil-dalil, fiqh al-hadith, kita nak tau tentang pengamalan mereka.*

Penulis mendapati pemilihan kitab-kitab hadith oleh tenaga pengajar di masjid-masjid Perlis telah mematuhi silibus pengajaran di negeri Perlis sebagaimana yang telah digariskan oleh pihak Jabatan Mufti Negeri Perlis, malah terdapat kesesuaian dengan tahap penerimaan dalam kalangan jemaah masjid sebagaimana kajian Johari, M. A. (2016) di Selangor.

## **6.2 Sambutan Jemaah Terhadap Kitab Hadith yang Diajar**

Menurut semua informan, sambutan dan penerimaan jemaah terhadap kitab-kitab hadith yang diajar oleh guru takmir adalah positif dan baik. Hal demikian kerana ahli jemaah masjid telah meletakkan sepenuh kepercayaan kepada guru takmir berkaitan kepakaran dan keilmuan berdasarkan pengalaman dan latar belakang pendidikan dalam pelbagai bidang agama Islam. Sambutan dan penerimaan jemaah masjid terhadap pengajian hadith dapat dinilai berdasarkan jumlah kehadiran, minat, latar belakang pendidikan dan peringkat umur. Hal ini berdasarkan hasil analisis daripada pihak informan sebagai berikut:

Informan 1: *Dari sudut sambutan jemaah berbalik kepada kitab-kitab yang digunakan oleh pengkuliah depa untuk memahami sebab kita kata jemaah mudah memahami kitab-kitab hadith yang diajarkan oleh pengkuliah. Kehadiran jemaah ketika pengkuliah ni sampaikan, setakat la alhamdulillah memberangsangkan. Ramai tu.*

Informan 2 : *Jemaah ambil cakna dan serius setiap hadith yang dikongsi dari kitab Riyadh as-Solihin.*

Informan 3: *Sebenarnya benda ni depend dengan tempat, Ada tempat yang sambutannya baik. Ada tempat sambutannya kurang dan begitulah seterusnya.*

Informan 4: *Alhamdulillah setakat sekarang jemaah oklah dengan apa yang saya bawa. Contoh macam di Masjid Wang Ulu, mereka fokus tentang bab-bab adab. Mereka lebih suka benda tu. Macam di Masjid Padang Katong, mereka suka kepada bab-bab fikah dan alhamdulillah dapat sambutan.*



*Informan 5: Alhamdulillah tempat yang saya mengajar di masjid di sekitar Perlis ni anak jemaah menyambut dengan baiklah berkaitan kitab yang saya bawa ini sebab kebanyakan ustaz-ustaz yang mengajar ni tentang hadith, tafsir, sirah dan sebagainya.*

Penulis mendapati konsep pengajian di masjid sangat sesuai menggunakan metodologi *talaqqi* menerusi pembacaan *matan* atau petikan bahasa Arab dan terjemahan dalam setiap pengajian hadith yang dijalankan. Kesesuaian tahap kefahaman jemaah masjid dalam pengajian hadith membicarakan bab berkaitan dengan pembentukan adab dan akhlak. Namun demikian, guru takmir perlu mengenal pasti aspek umur dan latar belakang ahli jemaah masjid terlebih dahulu sebelum memulakan pengajian ilmu hadith. Hal demikian sangat penting untuk meningkatkan tahap penerimaan ahli jemaah yang positif dan menambah minat mereka terhadap ilmu hadith. Perkara ini sesuai dengan kajian Isnaeni, L. (2011) berkaitan sambutan jemaah dalam pengajian hadith di Masjid al-Salam Bintang Jaya 3A Tangerang. Pemilihan kitab hadith bukan sahaja mudah untuk difahami oleh para jemaah, malah mudah untuk didapati sama ada disediakan dan dijual oleh pihak masjid atau guru takmir sendiri (Nasir, M. N. et al., 2016).

### **6.3 Kesesuaian Kitab Hadith Yang Digunapakai Dengan Tahap Kemampuan Jemaah**

Menurut semua informan, kitab-kitab hadith yang digunapakai dalam siri pengajaran di masjid-masjid Perlis sangat sesuai dengan tahap kemampuan ahli jemaah. Metodologi penyampaian juga memberi impak terhadap tahap kemampuan jemaah untuk mudah memahami kandungan kitab hadith tersebut meskipun pada asalnya penerimaan jemaah agak berat.

*Informan 1: Apa yang boleh saya katakan, sebagai contoh di masjid kita ni, sebagai penggunaan kitab Riyadh al-Salihin, kitab Bulugh al-Maram, walaupun pada asalnya kitab tersebut agak berat untuk diterima oleh jemaah, tetapi dengan kaedah pengajaran yang digunakan oleh pengkuliah, huraian depa sangat mudah untuk jemaah memahaminya dan terjemahan kitab tersebut.*

*Informan 3: Dari segi subjek tu, kandungan dan jenis kitab tu, kitab Riyadh al-Salihin itu lebih diminati oleh orang awam.*

*Informan 4: Saya lihat jugak dari sudut praktikal dengan apa yang bahaskan tu sama ada mereka amalkan atau pun tidak. Contoh macam saya ulas bab berkaitan tentang hudud kurang mendapat sambutan jemaah. Mereka agak bosan sebab benda tu tak diamalkan di Malaysia. Mereka pun tak nampak dari sudut ini. Tapi bila kita bahas bab berkaitan bab pengamalan harian mereka, bahkan hadith-hadith berkaitan adab dan hak jiran dan sebagainya, mereka lebih fokus sebabnya kena dengan kehidupan mereka.*

*Informan 5: Saya ambil bab hadith ni apakah himpunan larangan dan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadith. Jadi, bolehlah kita mempelbagaikan ilmu-ilmu kepada anak jemaah berkaitan dengan larangan-larangan di sebalik suruhan Allah itu.*

Penulis mendapati tahap minat ahli jemaah meningkat apabila penjelasan hadith-hadith yang berkaitan dengan aspek pengamalan harian mereka. Hal demikian kerana sangat hampir dengan perjalanan kehidupan mereka dalam memartabatkan hadith-hadith Nabi Muhammad SAW. Antara kitab hadith yang sangat sesuai adalah kitab Riyadh al-Salihin yang dikarang oleh al-Imam al-Nawawi. Dapatan ini selari dengan kajian Nasir, M. N. et al. (2016) yang membuktikan bahawa kitab Riyadh al-Salihin adalah kitab yang sering diguna pakai di masjid-masjid seluruh Malaysia.

## **7. Kesimpulan**

Dapatan kajian membuktikan kesemua guru takmir memiliki Tauliah Mengajar Mengajar Agama Negeri Perlis dan mempunyai pengalaman yang cukup dalam memastikan keberkesanan pengajian kitab-kitab hadith di masjid-masjid. Metodologi pengajaran hadith diimplimentasikan berdasarkan pembacaan *matan* kandungan kitab hadith dalam bahasa Arab bersama terjemahannya dalam bahasa Melayu berbentuk kaedah syarahan. Hal demikian merupakan daya usaha yang baik untuk meningkatkan kefahaman dalam ilmu hadith kepada masyarakat umum. Pemilihan kitab-kitab hadith mengikut kesesuaian tahap kefahaman para jemaah masjid. Hal demikian bukan sahaja mudah difahami malah mudah untuk didapati supaya perjalanan pengajian hadith menjadi lancar. Berdasarkan dapatan yang telah dianalisis, semua informan menjelaskan kitab-kitab hadith yang





digunapakai selari dengan tahap kemampuan ahli jemaah untuk memahami ilmu hadith dengan berkesan. Walau bagaimanapun, guru takmir perlulah mempelbagai metodologi pengajaran dalam pengajian hadith agar penerimaan ahli jemaah dapat ditingkatkan. Antara metodologi yang dicadangkan ialah kaedah soal jawab dan perbincangan. Perkara ini akan membina komunikasi dua hala antara guru takmir dan ahli jemaah masjid.

## Rujukan

- Abdul Halim, A., Yabi, S. & Hoque, M. (2019). Penglibatan ahli akademik terhadap pengajaran hadith. *Journal of Hadith Studies* 4(1): 2550-1448.
- Abdul Wafir, S. (2006). *Pengajian hadith di negeri Perak: Suatu kajian di Sekolah Menengah Agama Izzuddin Shah, Ipoh, Perak*. (Disertasi Sarjana). Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdullah, W.H., Ramle, M. R., Abdul Rahim, M. M., & Borham, A. H. (2017). *Kaedah syarh al-hadith dalam pengajian hadith di institusi masjid di daerah Muallim negeri Perak*. Kertas yang dibentangkan dalam Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN 2017) di Ayer Keroh, Melaka, Malaysia, pada 1– 2 November 2017.
- al-‘Adawi, M. (2002). *Shahih al-Ahadith al-Qudsiyyah*. Mesir: Dar al-fajr Li al-Turath.
- al-Asqalani, I. H. (2007). *Terjemahan lengkap Bulughul Maram*. Jakarta : AKBAR. Hlmn xiii.
- al-Badr, A. R. (2014). *Syarh syamail al-Nabiy*. Cetakan Pertama. Riyadh: Maktabah Malik Fahd.
- al-Bukhari, M. I. (2011). *Al-Adab al-Mufrad*. Riyadh: Maktabah Al-Salafiyah.
- al-Nawawi, M. Y. (1987). *Riyadhus solihin*. Beirut : Maktabah Dar al-Jil. Hlm. 4-5.
- al-Nawawi, M. Y. (1989). *Hadith 40 (terjemahan dan syarahnya)*. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar. Hlm. 53.
- al-Nawawi, M. Y. (2008). *Matan al-Arbain an-Nawawi (text, translation and notes)*. Cet 3. Petaling Jaya : Islamic Book Trust. Hlm. vi.
- al-Qahtani, S. (2000). *Hisn al-Muslim Min al-Kitab Wa al-Sunnah*. Riyadh: Maktabah Malik Fahd.
- al-Tirmidzi, M. I. (2008). *Syamail Muhammad (keperibadian Rasulullah SAW)*. Kuala Lumpur: Telaga Biru. Hlm. xxi.
- Budin, A. (2016). Keberkesanan kelas takmir dalam pengajian hadis di masjid daerah Melaka Tengah: Pendekatan dan penambahbaikan. *Jurnal Ulwan 1*, 2016: 88-110.
- Deraman, F., Suliaman, I. & Ahmad Shah, F. (2010). *Pengajian hadith di Malaysia: Tokoh, karya dan institusi*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith.
- Isa, M. A. & Amran, N. N. (2017). Pengajian hadith di masjid Malaysia. *Fikiran Masyarakat* 5(1), 14-20.
- Isnaeni, L. (2011). *Response jama'ah pengajian hadith di Masjid al-Salam Bintang Jaya 3A Tangerang*. Tesis Sarjana Fakulti Ilmu Dakwa dan Ilmu Komunikasi, Jurusan Komunikasi & Penyiaran Islam, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Johari, M. A. (2016). Pengajian hadis di masjid dan surau: Analisis terhadap kefahaman hadis. *Jurnal Hadhari* 8 (2), 295-308.
- Nasir, M. N., Soroni, M. K., Wazir, R., A. Adi, M. F., Hasan Adali, N. A. (2016). *Kitab-kitab hadith dalam pengajian di masjid-masjid Selangor: Kajian tinjauan*. Kertas Prosiding yang telah dibentangkan dalam Ist INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2016 pada 25 April 2016 di Federal Hotel, Kuala Lumpur.
- Tamuri, A. H., & Nik Yusoff, N. M. R. (2011). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit UKM.